

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 20.5.2015

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap pelaksanaan pembelajaran e-Learning/Bestarinet di semua sekolah di negara ini dan setakat mana sistem ini jelas membantu murid mencapai kemajuan dan kejayaan dalam pembelajaran mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan e-Pembelajaran (e-Learning) melalui pelantar persekitaran pembelajaran maya (VLE) di bawah projek 1BestariNet kesemua sekolah. VLE ini sebagai asas untuk guru, murid dan ibu bapa berkongsi sumber pembelajaran, melaksanakan pembelajaran secara interaktif dan berkomunikasi secara maya. VLE ini berupaya untuk mengurus dan menyimpan objek pembelajaran (*learning objects*) dalam bentuk imej, video dan dalam teks yang dibangunkan oleh pengguna KPM bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kurikulum kebangsaan. VLE ialah aplikasi yang dihoskan secara berpusat dan semua warga pendidik, murid dan ibu bapa boleh mencapainya melalui mana-mana talian internet. Seperti yang sedia maklum, keberkesanan

sebarang program transformasi mengambil masa yang agak panjang dan pada ketika ini, program e-Pembelajaran berada dalam fasa pemantapan (*stabilizing*) setelah melalui fasa pembiasaan (*familiarization*) selama 2 tahun 6 bulan.

RJM21